

Oleh Norzamira
Che Noh

am@hmetro.com.my

SUSPEK DISYAKI ROGOL REMAJA 14 TAHUN

SERAH PENCERAMAH KEPADA POLIS KL

Shah Alam

Penceramah bebas yang disyaki merogol remaja perempuan berusia 14 tahun akan diserahkan ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur hari ini bagi tindakan lanjut.

Ia dilakukan selepas tempoh reman lima hari terhadap suspek berusia 30-an itu tamat.

Timbalan Ketua Polis Selangor, Datuk S Sasikala Devi berkata, reman terhadap lelaki itu tamat dan akan diserahkan ke pihak Polis Kuala Lumpur.

“Setakat ini laporan polis diterima membabit kes itu

“*Polis gesa sekiranya ada individu lain yang mendakwa menjadi mangsa supaya tampil membantu siasatan”*

S Sasikala

masih kekal empat iaitu dua di Selangor, satu di Kuala Lumpur dan satu di Perak.

“Polis menggesa sekiranya ada individu lain yang mendakwa menjadi mangsa supaya tampil membantu siasatan,” katanya.

Beliau berkata, berdasarkan siasatan awal, perkenalan antara suspek dan remaja perempuan itu diper-

cayai bermula apabila mangsa menghubungi lelaki itu di media sosial bagi bertanyakan masalah agama sebelum perkenalan terjalin sejak Mei tahun lalu.

Katanya, polis turut menjalankan siasatan bagi melihat sama ada wujud unsur ugutan dilakukan suspek terhadap mangsa susulan berlakunya beberapa hubu-

ngan intim sebelum ini.

Polis juga masih menyiasat sama ada perwatakan baik suspek membuatkan mangsa percaya kepada lelaki itu sehingga disyaki berlakunya kejadian itu (rogol).

Media sebelum ini melaporkan seorang penceramah bebas popular ditahan Isnin lalu selepas dipercayai terbabit dalam kes merogol

seorang remaja perempuan berusia 14 tahun.

Lelaki itu ditahan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Selangor pada jam 4.50 petang.

Kes disiasat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksamaan kerana merogol dan Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.